

## KUALA LANGAT / SEPANG

# OKU berdaftar dapat diskaun 25 peratus



Orang ramai boleh membuat pembayaran cukai taksiran di kaunter MDKL.

**BANTING** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) meluluskan permohonan pengurangan bayaran cukai taksiran sebanyak 25 peratus daripada pengenaan cukai semasa kepada pemilik kediaman harta tanah OKU.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) meluluskan 12 permohonan yang dikemukakan kepada Jabatan Penilaian MDKL bagi cukai taksiran penggal pertama dan pengurangan ini hanya diberikan kepada sebuah harta tanah kediaman dalam kawasan MDKL.

Bagaimanapun menurutnya, kelulusan ini tertakluk kepada tatacara yang disyaratkan, termasuk kediaman tersebut mesti didiami pemohon semasa pengenaan cukai taksiran semasa.

"Saya nak ingatkan warga Kuala Langat yang lain supaya semak penyata cukai taksiran masing-masing. Pastikan semua tunggakan cukai taksiran tahun sebelumnya dijelaskan dan kemas kini

maklumat pemilik kepada MDKL bagi mengelakkan sebarang masalah," katanya.

Beliau berkata, OKU berdaftar boleh mengemukakan permohonan dan dihantar sebelum 28 Februari setiap tahun bagi penggal pertama dan sebelum 31 Ogos bagi penggal kedua iaitu tarikh akhir penjelasan cukai taksiran setiap tahun.

"Rekod MDKL menunjukkan 17 permohonan diterima bagi penggal pertama 2014 manakala hanya 11 permohonan pada 2015," katanya.

Dalam pada itu katanya, kemudahan OKU yang disediakan MDKL kini lebih mesra pengguna seperti kemudahan parkir yang hampir dengan lobi utama dan 'ramp' dengan 'railing'.

"Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkara tersebut dengan hadir ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Kuala Langat di Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, Banting atau menghubungi 03-31872825," katanya.



# Operasi pemadaman diteruskan

Bomba aktifkan dua telaga tiub, bina parit sementara kawal kebakaran hutan simpan kekal

**TANJUNGPATAS** - Operasi pemadaman kebakaran Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan, Banting, masih diteruskan secara agresif di kawasan seluas 31 hektar.

Penguasa Bomba Zon Selatan, Abu Bakar Abdul Kadir berkata, operasi yang dimulakan 1 April lalu itu dijangka perlu dilanjutkan atau mengikut kepada keadaan cuaca.

"Cuaca antara faktor kebakaran ini terjadi selain aktiviti pembangunan pertanian tanpa kebenaran.

"Ada yang melakukan pembakaran tanpa kawalan menyebabkan api merebak ke kawasan lain," katanya pada sidang media bersama Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Langat, Rosli Othman di lokasi kebakaran Hutan

Simpan Kekal Kuala Langat Selatan, semalam.

Buat masa ini menurutnya, pihaknya membuat parit sementara bagi mengawal kebakaran daripada terus merebak.

"Kita juga gunakan 'drone' secara harian untuk pemantauan dari udara selain mengaktifkan dua telaga tiub bagi mendapatkan bekalan air dalam operasi pemadaman dan pengairan parit sementara.

"Kita dah buat operasi pemadaman dengan kaedah 'water bombing' menggunakan pesawat Bombardier APM pada 10 April lalu. Masa tu, kita buat 47 pengeboman menggunakan 282,000 liter air dengan dua penerbangan," katanya.

Sementara itu, Rosli ber-



**Abu Bakar (dua, kiri) bersama Rosli (tengah) melihat telaga tiub yang membekalkan air bagi tujuan pemadaman dan pengairan perparitan di kawasan kebakaran.**

kata, pemadaman darat bersepadu turut dijalankan dengan menggunakan sistem 'direct attack' 50 anggota ter-

diri daripada anggota bomba, Renjer Perhutanan, Unit Pengurusan Bencana negeri Selangor, Jabatan Pertahanan

Awam (JPAM), Penguatkuasa Pejabat Tanah dan Daerah serta Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Menurutnya, orang awam diingatkan supaya menghentikan aktiviti tanpa kebenaran dan tindakan tegas akan dikenakan kepada mana-mana penceroboh kawasan hutan simpan kekal.

"Kita tak nak masa fenomena El-Nino ni ada yang buat pembakaran terbuka.

"Cuaca sekarang panas ekstrem dan tindakan tak bertanggungjawab macam tu akan menyebabkan keadaan makin kronik selain beberapa masalah lain," katanya.

Difahamkan, pos kawalan sementara di kawasan itu turut dibuka sejak seminggu lalu.

Hutan Simpan Kuala Langat Selatan itu pernah mengalami kebakaran berturut-turut dalam tempoh tiga tahun bermula sejak 2013.